



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj.Kami : ANM.JB (D)30/01 (24)
Tarikh : 14 Februari 2022
12 Rejab 1443H

**SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)/PEJABAT PEMUNGUT (PP)
JABATAN PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**TERIMAAN SECARA CEK: TINDAKAN PTJ BAGI MENGELAKKAN PENERIMAAN CEK
TAK LAKU**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) bil 3/2019, Tatacara Pengurusan Terimaan adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, pada tahun 2020 dan 2021, berlaku peningkatan ketara bilangan Cek Tak Laku yang diterima oleh PTJ-PTJ di bawah JANM Negeri Johor. Sehubungan itu, selaras dengan SPANM bil 3/2019, bagi mengelakkan penerimaan Cek Tak Laku pada tahun 2022, PTJ dikehendaki menyemak dan memastikan **tiada sebarang pindaan pada cek sepertimana berikut:-**

- a) Tidak rosak atau koyak;
- b) Cek "Akaun Penerima Sahaja";
- c) *Post Dated Cheque* tidak dibenarkan;
- d) **Terimaan melalui CEK PERSENDIRIAN ADALAH TIDAK DIBENARKAN;**
- e) Penggunaan mod terimaan Cek yang disokong dengan jaminan bank adalah amat digalakkan bagi mengurangkan risiko wujudnya Cek Tak Laku.
- f) Penggunaan **Bank Draf** adalah amat digalakkan bagi mengelakkan Cek Tak Laku.

3. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan **Cek Tak Laku diganti semula dengan SEGERA** bagi mengelakkan berlakunya peningkatan Hasil Belum Terima.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan di dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah

(KALTHOM BINTI SALIM C.A (M))

Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor